



RESEARCH ARTICLE

Penghayatan masyarakat pelbagai etnik terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia

(The appreciation of multi-ethnic communities towards the traditional elements in the Federal Constitution of Malaysia)

Khadijah Muda^{1*}, Mastura Abd Wahab²

¹Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

²Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800, Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia

Abstrak - Unsur tradisi Perlembagaan Persekutuan Malaysia terdiri daripada agama Islam sebagai agama Persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kedudukan orang Melayu dan Raja-Raja Melayu. Unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan merupakan unsur yang secara tradisi lagi telah dibawa daripada undang-undang yang telah ada di Tanah Melayu. Unsur tradisi ini diwujudkan untuk menjaga kepentingan anak watan negara ini. Walau bagaimanapun, unsur tradisi ini tetap menjaga kepentingan etnik lain dengan tidak menafikan hak yang ada pada warganegara bukan bumiputera. Kajian ini melihat kepada tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi etnik Melayu, Cina dan India melalui tinjauan di media sosial. Pendekatan kuantitatif digunakan dengan sampel sebanyak 2389 orang dari seluruh semenanjung Malaysia. Sampel dipilih secara rawak berkelompok. Instrumen kajian menggunakan soal selidik Kajian Indeks Unsur Tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara etnik Melayu, Cina dan India bagi pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi. Etnik Melayu mempunyai tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi yang tinggi. Manakala Etnik India mempunyai pengetahuan dan sikap yang tinggi, tetapi penghayatan sederhana. Etnik Cina mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi, tetapi sikap dan penghayatan sederhana. Kajian ini juga menunjukkan orang Cina dan India tahu berkenaan unsur tradisi tetapi kelompok mereka majoritinya lebih bersifat neutral. Majoriti juga tidak membantah peruntukkan yang ditetapkan terhadap orang Melayu dan bumiputera kerana mereka juga sedar bahawa orang Melayu dan bumiputera adalah anak watan negara ini. Implikasi daripada kajian ini, pendedahan berkaitan perkara asas dalam perlembagaan persekutuan perlu diperkasakan lagi.

Abstract - The traditional elements of the Malaysian Federal Constitution consist of Islam, the Malay language, the position of the Malays and Malay Kings. The traditional element in the Federal Constitution is an element that has traditionally been carried over from existing laws in Malaya. This element of tradition was created to safeguard the interests of this nation's citizens and still safeguards the interests of other ethnic groups. This study looks at the level of knowledge, attitude and appreciation of traditional Malay, Chinese and Indian ethnic elements through a survey on social media. A quantitative approach was used with a sample of 2389 people from all over peninsular Malaysia. The sample was randomly selected. The research instrument uses the Traditional Element Index Study in the Federal Constitution questionnaire. The results of the study show that there are significant differences between the Malay, Chinese and Indian ethnic groups in terms of knowledge, attitude and appreciation of traditional elements. Ethnic Malays have a high level of knowledge, attitude and appreciation of traditional elements. While Ethnic Indians have high knowledge and attitude, but moderate appreciation. The Chinese ethnic group has a high level of knowledge, but a simple attitude and understanding. This study also shows that Chinese and Indians know about traditional elements, but their group is mostly neutral. The majority also did not object to the allocation set for the Malays and bumiputeras because they were also aware that the Malays and bumiputeras are the native of this country.

Article History

Received : 19 February 2026
 Revised : 7 March 2026
 Accepted : 30 March 2026
 Published : 15 April 2026

Kata Kunci

Kontrak sosial
 Unsur tradisi
 Anak watan
 Perlembagaan persekutuan
 Pelbagai etnik

Keywords

Social contract
 Traditional element
 Malay origin
 Federal constitution
 Multiethnic

Pendahuluan

Keharmonian negara yang berbilang kaum seperti di Malaysia harus diikat dengan undang-undang. Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang telah digubal berasaskan kepada demografi Malaysia dan disepakati bersama telah memainkan peranannya sebagai kunci perpaduan kaum. Teras tamadun Malaysia ini menjaga kedudukan anak watan Malaysia dan turut menjaga hak kaum lain sebagai warganegara. Teras tamadun Malaysia adalah unsur tradisi yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Unsur tradisi yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan merupakan unsur yang dibawa secara tradisi daripada undang-undang yang sedia ada di Tanah Melayu oleh pemerintah British mengikut keadaan masyarakat tempatan (Mohd Salleh Abbas, 1929/1997). Empat perkara asas yang menjadi teras tamadun Malaysia yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu agama, bahasa, kedudukan orang Melayu dan kedudukan Raja-Raja Melayu. Jika ditelusuri dalam Perlembagaan Persekutuan (Jabatan Peguam Negara, 2020) dapat

dilihat dengan jelas Perkara 3(1) menegaskan agama Islam adalah agama persekutuan, tetapi agama lain juga boleh diamalkan dengan aman dan damai. Perkara 152 menjelaskan bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan, dan bahasa lain juga boleh digunakan selain tujuan rasmi.

Perkara 153 (1) menyatakan bahawa menjadi tanggungjawab Yang DiPertuan Agong melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera serta kepentingan sah kaum lain. Perkara 32 dan Perkara 38 menegaskan bahawa Yang DiPertuan Agong adalah ketua negara Malaysia dan dijelaskan tentang tugas Majlis Raja-Raja. Di sini jelas menunjukkan bahawa elemen-elemen ini merupakan tonggak yang menyatukan dan menjaga semua kaum di Malaysia di bawah payung yang sama. Namun begitu, keempat-empat elemen ini sering mencetuskan kontroversi di Malaysia. Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2023), sejak tahun 2021 hingga 1 April 2023 sebanyak 692 aduan yang melibatkan 3R telah dilaporkan. Isu 3R ini melibatkan aduan orang awam berkaitan penghinaan terhadap agama, bangsa dan institusi diraja. Daripada jumlah ini menunjukkan elemen-elemen unsur tradisi ini jika tidak dicermati dengan teliti boleh mendatangkan keadaan yang tidak harmoni antara kaum di Malaysia. Maka, perlunya kajian yang mengkaji tahap penghayatan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tujuan Kajian

Secara umumnya adalah untuk mengenalpasti reaksi masyarakat pelbagai di Malaysia. Namun, secara khususnya adalah untuk menentukan perbezaan dari segi pengetahuan, sikap dan penghayatan masyarakat Melayu, Cina dan India terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. Unsur tradisi yang dimaksudkan adalah bahasa Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu, agama Islam dan sistem beraja.

Tinjauan Kajian Lepas

Semangat kekitaan dalam masyarakat pelbagai di Malaysia

Siti Nor Azhani et al. (2014) mengulas bahawa Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa betapa penting semangat kekitaan dalam masyarakat pelbagai etnik untuk membentuk masyarakat di bawah naungan yang lebih kukuh. Berikut adalah petikan yang disampaikan oleh Ibnu Khaldun. Sesebuah kerajaan jarang sekali dapat ditegakkan di tempat yang didiami oleh banyak suku dan kumpulan sebabnya ialah di tempat itu terdapat pelbagai perbezaan daripada segi pandangan dan keinginan. Di belakang setiap pandangan dan keinginan itu perasaan sesama kita yang menyokongnya...satu daripada pelbagai perasaan kekitaan puak puak itu seharusnya lebih menonjol daripada yang lain demi membawa mereka berkumpul untuk lebih menonjol daripada yang lain membawa mereka berkumpul, untuk menyatupadukan mereka dan mengikat mereka ke dalam perasaan kekitaan yang satu...Semua kumpulan yang pelbagai itu dengan demikian akan berada di bawah naungan perasaan kekitaan yang lebih berpengaruh (Ibnu Khaldun, 2009). Rasa kekitaan di Malaysia ditanam dalam diri setiap masyarakat melalui unsur tradisi yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan. Abdul Aziz Bari (2008) dari satu sudut mengatakan bahawa Perlembagaan itu sendiri merupakan sebuah himpunan tradisi dan sejarah sesebuah negara dan dalam konteks ini juga, Perlembagaan itu dilihat sebagai suatu tamadun sesebuah negara. Oleh yang demikian, unsur tradisi yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan merupakan kekuatan yang diwarisi daripada sejarah masa lalu. Tentu sekali ia membawa pengertian yang besar kerana hal-hal yang berkaitan dengan sejarah, identiti dan kesinambungan warisan ini berfungsi sebagai roh dan semangat sesuatu masyarakat itu. Unsur-unsur tradisi amat penting dibicarakan kerana unsur-unsur tersebut menjadi faktor utama untuk mewujudkan identiti Malaysia dan memupuk persefahaman ke arah perpaduan. Unsur-unsur tradisi juga adalah elemen penting dalam kontrak sosial yang telah disepakati semasa menggubal perlembagaan (Nazri Muslim, 2013).

Unsur tradisi yang pertama adalah sistem beraja. Perlembagaan Persekutuan turut memperuntukkan perkara-perkara berkaitan sistem beraja seperti dalam Perkara 32, Perkara 38, Perkara 40, Perkara 41, Perkara 42, Perkara 44 dan Perkara 70. Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di bawah pentadbiran raja berperlembagaan selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Segala urusan pentadbiran berdasarkan kepada undang-undang tertinggi negara iaitu Perlembagaan Persekutuan yang diguna pakai pada 31 Ogos 1957. Yang Di-pertuan Agong sebagai ketua negara. Raja-raja Melayu di sembilan buah negeri diberi kuasa menguruskan hal ehwal agama dan adat istiadat negeri masing-masing. Bagi negeri-negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah, Sarawak dan Wilayah-wilayah Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong berperanan sebagai ketua agama Islam. Sistem demokrasi berparlimen di bawah pentadbiran raja berperlembagaan ini menjadi penang kepada semua rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang. Perbezaan latarbelakang ini dapat disatukan di bawah bumbung pemerintahan yang sama. Taat setia kepada raja dan negara menjadi tonggak perpaduan kaum. Secara hakikatnya, antara kepentingan sistem beraja ini adalah untuk mengimbangi atau menjadi semak imbang terhadap kemunculan bentuk kerajaan yang melampau. Selain itu juga, konsep kesetiaan terhadap raja dan negara dapat memupuk semangat patriotisme dan rasa cinta rakyat secara keseluruhannya kepada negara. Unsur tradisi yang kedua adalah agama. Agama Islam merupakan agama persekutuan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Namun, penganut agama lain juga dibenarkan menganuti agama mereka (Jabatan Peguam Negara, 2020). Perkara 11 juga menetapkan bahawa penganut agama lain tidak dibenarkan menyebarkan agama mereka kepada penganut agama Islam. Mohd Salleh Abas (1929/1997) menyatakan bahawa secara tradisinya orang Melayu telah menganut agama Islam telah 500 tahun dahulu atau lebih awal dari itu, dan pegangan agama yang kuat dalam kalangan orang Melayu menyebabkan penjajah Portugis dan Belanda tidak dapat menyebarkan agama mereka kepada orang Melayu.

Unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan yang ketiga adalah bahasa. Bahasa merupakan alat yang menghubungkan antara satu sama lain. Dengan bahasa, manusia memahami apa yang diperkatakan. Bahasa bukan sekadar alat perhubungan, tetapi juga alat untuk menyampaikan ilmu. Untuk memahami sesuatu ilmu, bahasa digunakan sebagai perantara. Bahasa juga dapat menyatupadukan antara kaum yang berbeza dalam sesebuah negara. Penggunaan bahasa

yang sama dapat meningkatkan rasa kekitaan. Hashim Musa (2010) mengatakan bahawa elemen sepunya yang mampu membentuk satu bangsa adalah bahasa kebangsaan. Penggunaan bahasa yang sama mampu meningkatkan rasa kekitaan dalam sesebuah masyarakat yang berbeza etnik. Dalam Perkara 152 (Jabatan Peguam Negara, 2020) menyatakan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan bahasa lain boleh dipelajari dan diajarkan kepada sesiapa sahaja. Perkara 152 ini membawa maksud bahasa Melayu perlu digunakan untuk segala urusan rasmi. Abd Rahim Bakar (2005) menyifatkan bahawa pengiktirafan undang-undang terhadap bahasa Melayu dengan meletakkannya sebagai bahasa rasmi dalam Perlembagaan Persekutuan adalah sekaligus menjadikan kedudukan bahasa Melayu itu sebagai bersifat supraetnik iaitu mengatasi batas etnik penutur asalnya. Ini bermaksud bahawa walaupun bahasa Melayu itu berkait rapat dengan orang Melayu, tetapi dengan status dan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan atau bahasa negara, maka secara tidak langsung ia tidak lagi bersifat vernakular, sebaliknya ia menjadi medium penghubung semua bangsa di negara ini. Selain itu, pepatah Melayu juga mengatakan “bahasa jiwa bangsa”. Bahasa yang digunakan menggambarkan bangsa seseorang. Bahasa yang digunakan dengan sopan memperlihatkan tingkah laku seseorang yang elok sebagaimana istilah Melayu iaitu “berbudi bahasa”. Bahasa juga dikaitkan dengan jati diri. Jati diri seseorang dapat dilihat melalui penggunaan dan penguasaan bahasanya. Kebanyakan bangsa yang ada di dunia mempunyai bahasa tersendiri. Peradaban bangsa yang tinggi secara langsung menaikkan bahasa mereka. Contohnya negara Jepun mengangkat bahasa Jepun. Negara luar perlu mempelajari bahasa Jepun untuk mendalami peradaban yang ada pada mereka. Begitu juga Tanah Melayu pada zaman kesultanan Melayu Melaka dahulu, bahasa Melayu sebagai lingua franca (Portal Rasmi Arkib Negara Malaysia, 2023) kerana peradaban Melayu diangkat tinggi pada waktu itu. Kegemilangan bahasa ini dapat dikembalikan semula dengan mengangkat martabat bahasa Melayu melalui pembangunan tamadun bangsa. Pembangunan tamadun hari ini dapat dilihat dengan terciptanya inovasi-inovasi baru seiring teknologi yang mampu menyumbang kepada ekonomi bangsa. Lubuk ekonomi merupakan tumpuan banyak pihak, dan akan mengembangkan tamadun manusia. Kajian berkaitan strategi menjayakan bahasa Melayu sebagai bahasa Negara telah dijalankan oleh Awang Sariyan (2014).

Bahasa Melayu perlu diperkasakan untuk mengukuhkan perpaduan antara kaum. Kesepakatan antara orang Melayu dan bukan Melayu dari segi bahasa ini mencerminkan semangat perpaduan dalam masyarakat Malaysia. Maka, dapat disimpulkan pentingnya satu bahasa yang bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga sebagai sumber ilmu dan alat perpaduan kaum. Untuk mengangkat semula martabat bahasa Melayu, tamadun Melayu perlu diangkat tinggi dan menjadi tumpuan ramai. Peranan semua untuk merasa cinta kepada bahasa sendiri. Dalam konteks negara Malaysia, semua kaum seharusnya merasai bahawa bahasa Melayu bukan hanya untuk orang Melayu, tetapi untuk semua rakyat Malaysia. Pada masa yang sama, menjadi satu kelebihan jika orang Melayu juga dapat memahami bahasa etnik lain di Malaysia seperti bahasa mandarin dan bahasa tamil. Ini akan merapatkan lagi hubungan dan merapatkan jurang yang masih lagi wujud.

Tinjauan terhadap tingkahlaku masyarakat di media sosial terhadap unsur tradisi

Tinjauan terhadap tingkah laku masyarakat di media sosial menunjukkan trend yang agak membimbangkan, khususnya berkaitan agama, bangsa dan Institusi Raja (3R) (Kambol, 2023). Unsur-unsur tradisi dalam kajian ini merujuk kepada tiga elemen sensitif yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, iaitu agama Islam, kedudukan istimewa orang Melayu dan Institusi Raja (Khairul Azhar Meerangani et al., 2024; Ku Hasnita Ku Samsu et al., 2024; Kambol, 2023) serta kedudukan bahasa Melayu sebagai lambang kebanggaan bangsa (Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Aliffluqman Mohd Mazzalan, 2018; Nik Muhammad Izzudin Nik Lah et al., 2019). Isu yang melibatkan agama, bangsa dan Institusi Raja (3R) merupakan aspek yang amat dekat dengan identiti rakyat Malaysia serta mempunyai nilai sensitif yang tinggi dalam masyarakat majmuk (Kambol, 2023). Penyalahgunaan isu 3R di media sosial berisiko menimbulkan permusuhan, kebencian dan konflik antara kaum (Khairul Azhar Meerangani et al., 2024). Kajian menunjukkan bahawa isu 3R sering dimanipulasi oleh parti politik dan individu tertentu untuk meraih sokongan atau mencapai kepentingan tertentu, khususnya ketika musim pilihan raya (Kambol, 2023; Khairul Azhar Meerangani et al., 2024). Media sosial merupakan platform utama penyebaran maklumat yang boleh mencemarkan keharmonian antara kaum dan agama, di mana kenyataan berbau kebencian serta penghinaan terhadap agama dan bangsa sering dikongsikan secara terbuka (Kambol, 2023). Laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menunjukkan bahawa isu 3R merupakan antara aduan tertinggi yang diterima sejak tahun 2023 (Ku Hasnita Ku Samsu et al., 2024). Antara Januari hingga Mac 2024, sebanyak 1,454 kandungan berkaitan isu 3R telah dikesan di media sosial. Isu agama mencatatkan jumlah tertinggi (727 kandungan), diikuti isu kaum (588 kandungan), dan Institusi Raja (139 kandungan). Facebook merekodkan jumlah tertinggi dengan 731 kandungan, diikuti TikTok (705 kandungan) (Ku Hasnita Ku Samsu et al., 2024). Kajian mendapati bahawa penghinaan terhadap agama Islam lebih banyak berlaku berbanding agama lain, sedangkan agama Islam adalah agama Persekutuan dan agama majoriti penduduk Malaysia (Kambol, 2023). Isu berkaitan hak ketuanan Melayu turut menjadi perdebatan dan sering dicabar dalam wacana politik (Kambol, 2021).

Fenomena fanatik politik, khususnya semasa Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), telah mendorong sesetengah individu untuk mengeluarkan kenyataan berbau perkauman dan keagamaan tanpa rasa tanggungjawab (Kambol, 2023). Institusi Raja turut terdedah kepada cabaran penghinaan di media sosial, khususnya daripada segelintir pengguna dan ahli politik yang memperlekehkan peranan raja dalam sistem pemerintahan moden (Kambol, 2023; Syahredzan Johan, 2019). Kenyataan seumpama ini boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Kambol, 2023). Sebahagian masyarakat masih menganggap penyebaran kenyataan berbau kebencian sebagai hak kebebasan bersuara tanpa menyedari had perundangan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan (Kambol, 2023; Ku Hasnita Ku Samsu et al., 2024). Selain daripada isu sensitif yang dinyatakan ini, tingkah laku lain yang menjadi trend di media sosial adalah penggunaan bahasa rojak.

Usaha memartabatkan bahasa kebangsaan memerlukan sokongan dan komitmen padu daripada seluruh masyarakat, khususnya dalam era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang berkembang pesat. Ledakan penggunaan internet dan media sosial telah mengubah corak komunikasi, di mana penggunaan bahasa ringkas dan tidak baku semakin berleluasa (Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Aliffluqman Mohd Mazzalan, 2018). Kajian mendapati bahawa Facebook merupakan platform sosial paling popular dalam kalangan rakyat Malaysia, namun penggunaannya sering disertai dengan fenomena bahasa rojak, iaitu percampuran antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Aliffluqman Mohd Mazzalan, 2018; Nik Muhammad Izzudin Nik Lah et al., 2019). Fenomena ini bukan sahaja mencerminkan gaya komunikasi moden, tetapi turut menggambarkan ketidakyakinan sebahagian rakyat terhadap keupayaan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa komunikasi utama (Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Aliffluqman Mohd Mazzalan, 2018). Kajian lepas mendapati penggunaan bahasa rojak dalam media sosial semakin ketara dan berpotensi melemahkan kedudukan bahasa kebangsaan sekiranya tidak dikawal (Nik Muhammad Izzudin Nik Lah et al., 2019). Kecenderungan ini lebih menonjol dalam kalangan golongan muda dan remaja yang cenderung menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa asing bagi menunjukkan kecekapan komunikasi dan gaya hidup moden (Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Aliffluqman Mohd Mazzalan, 2018). Mereka lebih menekankan kepantasan dan kemudahan dalam berkomunikasi berbanding ketepatan dari segi ejaan, tatabahasa, dan gaya bahasa (Nik Muhammad Izzudin Nik Lah et al., 2019).

Kajian lepas berkaitan pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi

Kajian berkaitan tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan terhadap unsur tradisi telah dijalankan oleh beberapa orang penyelidik Malaysia. Antaranya adalah kajian Nazri Muslim dan rakan-rakan (2011; 2012). Hasil kajian mereka menunjukkan tahap pengetahuan, kefahaman dan penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dan peruntukan bahasa Melayu dalam perlembagaan adalah tinggi secara keseluruhannya. Namun, wujud perbezaan yang ketara dari segi pengetahuan, penerimaan dan kefahaman pelajar mengikut aliran pendidikan, agama dan etnik. Khadijah Muda dan rakan-rakan (2023) telah membangunkan instrumen penghayatan unsur tradisi untuk mengukur tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi masyarakat Malaysia. Pembangunan instrumen tersebut menggunakan analisis Item Response Theory (IRT) dan Analisis Pengesahan Faktor. Hasilnya model tersebut dapat digunakan dengan 34 item soal selidik. Beliau juga turut menjalankan kajian penghayatan masyarakat berkaitan isu ini melalui kaedah netnografi di media sosial. Hasilnya dapat dilihat masyarakat bukan Melayu begitu beremosi dengan istilah kontrak sosial yang menggambarkan keempat-empat elemen unsur tradisi ini (Khadijah Muda et al., 2022). Mastura Abd Wahab dan Khadijah Muda (2022) mendapati bahawa secara keseluruhannya tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan pelajar universiti terhadap unsur tradisi adalah tinggi. Namun, wujud perbezaan yang ketara mengikut latar belakang demografi pelajar universiti.

Terdapat hubungan antara pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi pelajar. Mastura dan rakan-rakan (2022) juga meneliti tahap pengetahuan, sikap dan amalan unsur tradisi belia Lembah Klang. Hasilnya didapati tahap pengetahuan, sikap dan amalan mereka terhadap unsur tradisi adalah tinggi. Ku Hasnita Ku samsu dan rakan-rakan (2020) juga mendapati mahasiwa bersetuju bahawa bahasa Melayu mampu bertindak sebagai wadah patriotisme. Ini menunjukkan bahawa golongan belia mempunyai tahap penerimaan yang tinggi terhadap penggunaan bahasa Melayu. Hasil daripada kajian-kajian lepas yang dipaparkan di atas juga dapat disimpulkan bahawa kajian berkaitan pengetahuan, sikap dan penghayatan masyarakat terhadap unsur-unsur tradisi adalah tinggi dalam semua kajian. Namun, wujud perbezaan tahap dari segi latar belakang etnik dan tahap pendidikan. Berdasarkan sorotan kajian lepas, wujud jurang yang jelas antara dapatan empirikal yang menunjukkan tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi adalah tinggi dalam kalangan pelajar dan belia, dengan realiti semasa di media sosial yang memperlihatkan peningkatan isu 3R serta kecenderungan penyebaran kandungan berbaur kebencian dan provokasi. Walaupun konsep semangat kekitaan seperti yang dihuraikan oleh Ibnu Khaldun menekankan kepentingan kesatuan identiti dalam menjamin kestabilan masyarakat pelbagai, kajian terdahulu lebih tertumpu kepada pengukuran tahap secara kuantitatif dan belum meneliti secara mendalam bagaimana penghayatan tersebut diterjemahkan dalam tingkah laku digital sebenar, khususnya dalam konteks literasi media, emosi politik dan dinamika interaksi antara etnik di ruang siber. Justeru, masih terdapat keperluan untuk mengkaji hubungan antara penghayatan unsur tradisi dengan manifestasi komunikasi masyarakat di media sosial bagi menjelaskan percanggahan antara tahap penerimaan yang tinggi dan fenomena konflik yang semakin ketara.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif, iaitu berdasarkan soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen kajian yang digunakan adalah Kajian Indeks Pengetahuan, Sikap dan Penghayatan Unsur Tradisi Perlembagaan Persekutuan (KIUTPP) yang telah dibangunkan oleh Khadijah et al. (2023) dan telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan. Seramai 2389 sampel kajian telah dipilih dari seluruh Malaysia menggunakan kaedah persampelan berkelompok melalui media sosial seperti Facebook dan Twitter. Soal selidik disebar menggunakan kemudahan Facebook ads dengan memilih lokasi tertentu yang telah dipilih melalui kaedah rawak berkelompok. Sampel kajian terdiri daripada etnik Melayu, Cina dan India yang berusia 18 tahun ke atas. Nisbah pemilihan etnik mengikut nisbah populasi sebenar masyarakat Malaysia iaitu 65%: 25%: 5% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Walau bagaimanapun responden yang dipilih ini tidak boleh digeneralisasikan kepada masyarakat Malaysia secara keseluruhannya.

Dapatan Kajian

Kajian ini akan memaparkan latarbelakang demografi responden, tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan responden terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. Hasil kajian akan dipersembahkan dalam bentuk perbezaan antara etnik utama semenanjung Malaysia, iaitu Melayu, Cina dan India.

Demografi

Jadual 1 merupakan latarbelakang demografi responden yang terdiri daripada jantina, etnik, umur, pendidikan tertinggi, sekolah rendah, sekolah menengah, pernah didedahkan dengan mata pelajaran pembinaan bangsa, tempat dibesarkan, jenis kaum di tempat kediaman, penglibatan dalam persatuan pelbagai kaum, kekerapan menghubungi rakan kaum lain dalam sebulan, dan tahap kecintaan kepada negara. Jadual 1 menunjukkan demografi responden kajian. Responden kajian majoritinya berpendidikan universiti, latarbelakang sekolah adalah bersekolah di sekolah rendah dan menengah kebangsaan dan pernah didedahkan dengan mata pelajaran pembinaan bangsa. 62.4% responden dibesarkan di pekan atau bandar, dan 72.5% berada dalam persekitaran tempat tinggal yang bercampur dengan pelbagai etnik. 65.4% responden pernah terlibat dengan persatuan pelbagai kaum. Majoriti adalah kadang-kadang berhubung dengan rakan dari etnik lain. Tahap kecintaan kepada negara majoriti berada pada skala 8 hingga 10. Daripada jadual latar belakang responden ini menunjukkan rata-rata responden biasa dengan persekitaran masyarakat pelbagai etnik dan terdedah dengan hubungan antara etnik lain serta cinta pada negara.

Jadual 1. Latarbelakang demografi responden kajian

Faktor		Kekerapan (%)	Faktor		Kekerapan (%)		
Jantina	Lelaki	1429 (59.8)	Sekolah menengah	Kebangsaan	1710 (71.6)		
	Perempuan	960 (40.2)		Jenis kebangsaan	260 (10.9)		
Etnik	Melayu	1564 (65.5)	Agama	Swasta	344 (14.4)		
	Cina	537 (22.5)		Antarabangsa	15 (0.6)		
	India	288 (12.1)		Pondok	9 (0.4)		
Umur	18-30	1185 (49.6)	MRSM	Ya	1 (0)		
	31-60	1135 (47.5)		Tidak	2177 (91.1)		
	61 ke atas	69 (2.9)		Tempat dibesarkan	Tidak	212 (8.8)	
Pendidikan tertinggi	Tidak bersekolah	4 (0.2)	Bandar/pekan		1493 (62.4)		
	Sekolah rendah	4 (0.2)	Luar bandar/kampung		896 (37.5)		
Sekolah rendah	Universiti / maktab	2134 (89.3)	Jenis kaum di tempat kediaman	Kaum sendiri sahaja	503 (21.0)		
		Kebangsaan		1772 (74.2)	Campuran	1731 (72.5)	
		Jenis kebangsaan		498 (20.8)	Dominasi kaum lain	155 (6.4)	
Tahap kecintaan kepada negara	Agama	74 (3.1)	Penglibatan dalam persatuan pelbagai kaum	Ya	1562 (65.4)		
		Swasta		43 (1.9)	Tidak	827 (34.7)	
		Antarabangsa		1 (0)	Kekerapan menghubungi rakan kaum lain dalam sebulan	Tidak pernah	324 (13.6)
		Pondok		1 (0)		Kadang-kadang (1-2 kali)	1042 (43.6)
Tahap kecintaan kepada negara	1 hingga 3	17 (0.7)	Pendedahan subjek pembinaan bangsa?	Kerap (3-5 kali)	563 (23.6)		
	4 hingga 7	193 (8.0)		Sangat kerap (lebih 5 kali)	460 (19.2)		
	8 hingga 10	2179 (91.2)		Ya	2177 (91.1)		
			Tidak	212 (8.8)			

Pengukuran tahap pengetahuan dilakukan melalui 18 soalan yang berskala betul, salah dan tidak tahu. Soalan-soalan yang ditanya adalah elemen unsur tradisi, status dan pengetahuan bahasa Melayu, agama, kedudukan istimewa orang Melayu dan etnik lain serta sistem beraja dalam Perlembagaan Persekutuan.

Jadual 2. Tahap pengetahuan terhadap unsur tradisi dan perbezaan antara etnik

Etnik	Min	Tahap	Ujian Kruskal Wallis (Nilai p)
Melayu	16.18	Tinggi	0.000
Cina	14.77	Tinggi	
India	15.18	Tinggi	

Jadual 3. Item dengan skala jawapan salah yang tinggi terhadap tahap pengetahuan unsur tradisi

Item (rujuk Khadijah et.al (2023))	Skala	Melayu N (%)	Cina N (%)	India N (%)
A8	Salah	118 (7.5)	62 (11.5)	31 (10.8)
	Betul	1266 (80)	378 (70.4)	210 (72.9)
	Tidak tahu	180 (11.5)	97 (18)	47 (16.3)
A9	Salah	60 (3.8)	54 (10.1)	37 (12.8)
	Betul	1454 (93)	432 (80.4)	243 (84.4)
	Tidak tahu	50 (3.2)	51 (9.5)	8 (2.8)
A12	Salah	182 (11.6)	117 (21.8)	63 (21.9)
	Betul	1247 (79.7)	332 (61.8)	191 (66.3)
	Tidak tahu	135 (8.6)	88 (16.4)	34 (11.8)
A13	Salah	254 (16.2)	67 (12.5)	41 (14.2)
	Betul	935 (59.8)	363 (67.6)	193 (67)
	Tidak tahu	375 (24)	107 (19.9)	54 (18.8)
A15	Salah	84 (5.4)	90 (16.8)	43 (14.9)
	Betul	1430 (91.4)	397 (73.9)	228 (79.2)
	Tidak tahu	50 (3.2)	50 (9.3)	17 (5.9)
A16	Salah	67 (4.3)	60 (11.2)	33 (11.5)
	Betul	1416 (90.5)	406 (75.6)	225 (78.1)
	Tidak tahu	81 (5.2)	71 (13.2)	30 (10.4)
A17	Salah	121 (7.7)	79 (14.7)	37 (12.8)
	Betul	1299 (83)	330 (61.5)	197 (68.4)
	Tidak tahu	144 (9.2)	128 (23.8)	54 (18.8)
A18	Salah	195 (12.5)	31 (5.8)	19 (6.6)
	Betul	1112 (71.1)	396 (73.7)	217 (75.3)
	Tidak tahu	257 (16.4)	110 (20.5)	52 (18.1)

Pengetahuan semua etnik terhadap unsur tradisi adalah tinggi. Namun, terdapat perbezaan yang signifikan antara etnik. Etnik Melayu mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap unsur tradisi, diikuti etnik India. Namun, etnik Cina mempunyai pengetahuan yang terendah jika dibanding dengan kedua-dua etnik ini, walaupun masih di kategori tahap pengetahuan yang tinggi. Daripada soalan yang diajukan, Jadual 3 menunjukkan item-item yang mempunyai jawapan di skala 'salah' dan 'tidak tahu' yang tinggi berbanding item-item lain. Daripada pemerhatian terhadap jadual 3 di atas, hanya item 9 yang mempunyai jawapan yang betul di atas 80% daripada etnik masing-masing. Item berkaitan agama dan Yang Dipertuan Agong, etnik Melayu lebih tinggi peratusan yang menjawab jawapan di skala 'betul'. Etnik Melayu dilihat paling rendah skala jawapan 'betul' bagi soalan 13, iaitu kepentingan sah etnik lain tidak boleh dilucutkan. Etnik Cina dan India paling rendah skala jawapan 'betul' bagi item 12 dan 17. Item 12 berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu, dan item 17 berkaitan agama Islam, Bahasa Melayu dan institusi diraja tidak boleh dipinda walaupun dalam keadaan darurat. Dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan antara tahap pengetahuan etnik terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. Jadual 2 menunjukkan keputusan bagi perbezaan antara etnik terhadap tahap pengetahuan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun semua etnik mempunyai pengetahuan yang tinggi. Namun, bagi item-item berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu dan hak etnik lain serta hal berkaitan darurat dan penyebaran agama terhadap penganut agama Islam masih ramai yang kurang tahu. Orang Melayu juga masih ada yang kurang tahu berkenaan kepentingan sah etnik Cina dan India dalam institusi pendidikan tinggi awam, permit atau lesen dan perkhidmatan awam tidak boleh dilucutkan. Begitu juga etnik Cina dan India masih kurang tahu berkenaan semua item di atas kecuali item 9.

Sikap terhadap Unsur Tradisi dan Perbezaan antara Etnik

Sikap terhadap unsur tradisi diukur melalui 11 item dengan skala Likert 5 mata yang telah disahkan oleh pakar dan melalui proses pengesahan dan kebolehpercayaan menggunakan analisis faktor pengesahan (Khadijah et al., 2023). Item terdiri daripada soalan berkaitan sikap terhadap penggunaan bahasa Melayu, rasa bangga dan selesa menggunakan bahasa Melayu, menerima agama Islam sebagai agama persekutuan, sikap terhadap larangan penyebaran agama lain terhadap penganut agama Islam, penerimaan terhadap kedudukan istimewa orang Melayu dalam perkhidmatan awam dan institusi pendidikan awam, rasa bangga Yang Dipertuan Agong sebagai ketua negara dan kuasa khas dalam hal ehwal agama Islam serta hal berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu, dan sikap terhadap bahasa Melayu, agama Islam dan institusi beraja tidak boleh dipinda walaupun dalam keadaan darurat. Interpretasi bagi min rendah adalah 11 hingga 25, sederhana adalah 26 hingga 40, dan tinggi adalah 41 hingga 55. Maka daripada jadual di atas menunjukkan terdapat perbezaan antara etnik bagi sikap terhadap unsur tradisi. Melayu berada pada tahap tinggi, dan India berada pada tahap tinggi yang rendah. Etnik Cina berada pada tahap sederhana. Daripada ketiga-tiga etnik ini menunjukkan etnik Cina paling rendah sikapnya terhadap unsur tradisi yang merangkumi soalan berkaitan bahasa, agama, sistem beraja dan kedudukan istimewa orang Melayu. Sikap diukur melalui rasa bangga, menerima dan bersetuju.

Jadual 4. Sikap terhadap unsur tradisi dan perbezaan antara etnik

Etnik	Min	Tahap	Ujian Kruskal Wallis (Nilai p)
Melayu	52.37	Tinggi	0.000
Cina	40.34	Sederhana	
India	41.46	Tinggi	

Jadual 5. Item dengan min terhadap sikap unsur tradisi

Item (Rujuk Khadijah et. Al (2023))	Skala	Melayu N (%)	Cina N (%)	India N (%)
B1	STS	6 (0.4)	8 (1.5)	8 (2.8)
	TS	7 (0.4)	21 (4.0)	12 (4.2)
	N	31 (2.0)	106 (19.7)	38 (13.2)
	S	88 (5.6)	168 (31.3)	74 (25.7)
	SS	1432 (91.6)	234 (43.6)	156 (54.2)
B3	STS	9 (0.6)	9 (1.7)	5 (1.7)
	TS	6 (0.4)	31 (5.8)	10 (3.5)
	N	27 (1.7)	172 (32)	73 (25.3)
	S	39 (2.5)	121 (22.5)	59 (20.5)
	SS	1483 (94.8)	204 (38)	141 (49)
B4	STS	11 (0.7)	14 (2.6)	9 (3.1)
	TS	3 (0.2)	40 (7.4)	12 (4.2)
	N	31 (2)	134 (25)	55 (19.1)
	S	60 (3.8)	139 (25.9)	61 (21.2)
	SS	1459 (93.3)	210 (39.1)	151 (52.4)
B6	STS	14 (0.9)	24 (4.5)	24 (8.3)
	TS	4 (0.3)	26 (4.8)	15 (5.2)
	N	19 (1.2)	133 (24.8)	70 (24.3)
	S	24 (1.5)	130 (24.2)	50 (17.4)
	SS	1503 (96.1)	224 (41.7)	129 (44.8)
B7	STS	91 (5.8)	92 (17.1)	55 (19.1)
	TS	54 (3.5)	68 (12.7)	25 (8.7)
	N	122 (7.8)	177 (33)	80 (27.8)
	S	65 (4.2)	60 (11.2)	46 (16)
	SS	1232 (78.8)	140 (26.1)	82 (28.5)
B11	STS	60 (3.8)	132 (24.6)	86 (29.9)
	TS	40 (2.6)	103 (19.2)	44 (15.3)
	N	162 (10.4)	145 (27)	84 (29.2)
	S	195 (12.5)	63 (11.7)	27 (9.4)
	SS	1107 (70.8)	94 (17.5)	47 (16.3)
B12	STS	46 (2.9)	146 (27.2)	91 (31.6)
	TS	25 (1.6)	105 (19.6)	42 (14.6)
	N	121 (7.7)	128 (23.8)	63 (21.9)
	S	191 (12.2)	66 (12.3)	39 (13.5)
	SS	1181 (75.5)	92 (17.1)	53 (18.4)
B13	STS	11 (0.7)	17 (3.2)	9 (3.1)
	TS	10 (0.6)	11 (2)	9 (3.1)
	N	37 (2.4)	148 (27.6)	38 (13.2)
	S	70 (4.5)	126 (23.5)	46 (16)
	SS	1436 (91.8)	235 (43.8)	186 (64.6)
B14	STS	13 (0.8)	1 (0.2)	10 (3.5)
	TS	11 (0.7)	7 (1.3)	5 (1.7)
	N	31 (2)	96 (17.9)	28 (9.7)
	S	65 (4.2)	131 (24.4)	47 (16.3)
	SS	1444 (92.3)	302 (56.2)	198 (68.8)
B15	STS	12 (0.8)	17 (3.2)	14 (4.9)
	TS	9 (0.6)	22 (4.1)	9 (3.1)
	N	28 (1.8)	133 (24.8)	49 (17)
	S	67 (4.3)	111 (20.7)	47 (16.3)
	SS	1448 (92.6)	254 (47.3)	169 (58.7)
B16	STS	42 (2.7)	80 (14.9)	44 (15.3)
	TS	20 (1.3)	54 (10)	29 (10.1)
	N	58 (3.7)	148 (27.6)	73 (25.3)
	S	82 (5.2)	94 (17.5)	46 (16)
	SS	1362 (87.1)	161 (30)	96 (33.3)

Jadual 5 menunjukkan item-item yang boleh digunakan untuk mengukur sikap terhadap unsur tradisi. Berkaitan bahasa Melayu, etnik Melayu rata-rata sangat bersetuju dengan status bahasa Melayu, rasa bangga dengan bahasa Melayu dan selesa menggunakannya. Berbeza dengan etnik Cina dan India yang peratus pada skala ‘sangat setuju’ dan ‘setuju’ adalah sederhana. Ini kerana bahasa yang digunakan dalam kehidupan seharian etnik Cina dan India bukan sepenuhnya bahasa Melayu. Mereka biasanya menggunakan bahasa ibunda masing-masing dan bahasa Inggeris dalam pertuturan seharian. Tidak dinafikan bahasa Melayu turut digunakan untuk memudahkan interaksi seperti dalam urusan kerajaan dan yang melibatkan komunikasi dengan etnik Melayu. Berkaitan agama Islam sebagai agama persekutuan, etnik Melayu majoritinya sangat setuju, manakala etnik Cina dan India ada yang bersifat neutral, setuju dan sangat setuju. Berkaitan penyebaran agama lain tidak dibenarkan kepada orang Islam, etnik Cina majoritinya berada pada skala neutral. Etnik India di skala neutral dan sangat setuju. Etnik Melayu majoriti sangat setuju, namun peratusnya tidak sebagaimana item lain yang berada di atas 90%. Item ini hanya mencapai 78.8%. Hasil ini menunjukkan masih ramai orang Melayu sendiri yang tidak tahu bahawa agama lain tidak boleh disebarkan kepada penganut agama Islam. Bagi item ‘Saya menerima kedudukan istimewa orang Melayu yang berkaitan dengan pelantikan dalam perjawatan perkhidmatan awam’ dan ‘Saya menerima orang Melayu ada peruntukan khas dalam kemasukan pendidikan tinggi awam di Malaysia’ juga menunjukkan peratus sangat setuju etnik Melayu di bawah 80%. Bagi kedua-dua item ini juga, etnik Cina dan India majoritinya sangat tidak setuju dan neutral. Ini menunjukkan etnik Cina dan India tidak bersetuju dengan kedudukan istimewa orang Melayu. Berkaitan dengan Yang di Pertuan Agong, ketiga-tiga etnik berada pada skala sangat setuju.

Penghayatan terhadap Unsur Tradisi dan Perbezaan antara Etnik

Tahap penghayatan unsur tradisi diukur pada asalnya dengan 11 item, namun telah dibuang setelah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan, dan akhirnya item yang tinggal hanya 5 (Khadijah et al., 2023). Kelima-lima item ini diukur melalui 5 skala Likert, iaitu 1 – tidak pernah langsung dan 5 – sangat kerap). Bagi mengukur tahap tinggi, sederhana dan rendah, interpretasinya adalah rendah 5 hingga 11, sederhana 12 hingga 18 dan tinggi 19 hingga 25. Daripada jadual 6 ini menunjukkan etnik Melayu mempunyai penghayatan unsur tradisi yang tinggi. Manakala etnik Cina dan India adalah sederhana.

Jadual 6. Penghayatan unsur tradisi dan perbezaan antara etnik

Etnik	Min	Tahap	Ujian Kruskal Wallis (Nilai p)
Melayu	23.4636	Tinggi	0.000
Cina	18.8566	Sederhana	
India	18.3264	Sederhana	

Jadual 7. Item dengan min penghayatan unsur tradisi

Item (Rujuk Khadijah et. al (2023))	Skala	Melayu N (%)	Cina N (%)	India N (%)
C1	TPL	28 (1.8)	40 (7.4)	30 (10.4)
	PS	23 (1.5)	26 (4.8)	14 (4.9)
	KK	76 (4.9)	191 (35.6)	90 (31.3)
	K	184 (11.8)	113 (21)	75 (26)
	SK	1253 (80.1)	167 (31.1)	79 (27.4)
C7	TPL	1328 (84.9)	408 (76)	220 (76.4)
	PS	86 (5.5)	34 (6.3)	24 (8.3)
	KK	115 (7.4)	75 (14)	24 (8.3)
	K	12 (0.8)	12 (2.2)	12 (4.2)
	SK	23 (1.5)	8 (1.5)	8 (2.8)
C8	TPL	1378 (88.1)	200 (37.2)	107 (37.2)
	PS	47 (3)	46 (8.6)	16 (5.6)
	KK	82 (5.2)	176 (32.8)	93 (32.3)
	K	27 (1.7)	50 (9.3)	28 (9.7)
	SK	30 (1.9)	65 (12.1)	44 (15.3)
C9	TPL	1312 (83.9)	245 (45.6)	128 (44.4)
	PS	58 (3.7)	39 (7.3)	11 (3.8)
	KK	129 (8.2)	140 (26.1)	80 (27.8)
	K	28 (1.8)	50 (9.3)	28 (9.7)
	SK	37 (2.4)	63 (11.7)	41 (14.2)
C10	TPL	1347 (86.1)	218 (40.6)	98 (34)
	PS	47 (3)	44 (8.2)	19 (6.6)
	KK	113 (7.2)	153 (28.5)	94 (32.6)
	K	19 (1.2)	53 (9.9)	31 (10.8)
	SK	38 (2.4)	69 (12.8)	46 (16)

Jadual 7 menunjukkan item-item yang ada dalam penghayatan unsur tradisi. Bagi item berkaitan penerimaan terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan, hanya etnik Melayu yang majoritinya sangat setuju. Manakala etnik Cina dan India berada pada skala kadang-kadang. Bagi item menyuarakan rasa tidak puas hati kepada Yang diPertuan Agong, ketiga-tiga etnik majoritinya tidak pernah, diikuti kadang-kadang. Bagi item bantahan terhadap keistimewaan orang Melayu seperti permit lesen, Pendidikan, penjawatan dalam perkhidmatan awam majoritinya ketiga-tiga etnik berada pada sakala 'tidak pernah langsung', diikuti skala 'kadang-kadang'. Hasil keputusan ini menunjukkan ketiga-tiga etnik menghayati unsur tradisi, namun tetap ada perbezaan antara etnik kerana keistimewaan banyak memihak kepada etnik Melayu. Teori identiti sosial yang diperkenalkan oleh Tajfel (1974). Teori ini menjelaskan bahawa individu membentuk identiti diri berdasarkan keanggotaan dalam sesuatu kumpulan sosial seperti etnik, agama atau bangsa, dan identiti tersebut mempengaruhi cara mereka berfikir, menilai serta bertindak terhadap kumpulan lain. Dalam konteks masyarakat pelbagai, kecenderungan untuk memihak kepada kumpulan sendiri dan membuat perbandingan sosial dengan kumpulan lain boleh mempengaruhi tahap penerimaan terhadap unsur tradisi yang dikongsi bersama. Oleh itu, teori ini dapat menjadi asas untuk memahami bagaimana pengetahuan, sikap dan penghayatan terhadap unsur tradisi dibentuk melalui proses pengenalan diri dan kelekatan individu terhadap identiti sosial tertentu, sekali gus membantu menafsir dapatan kajian soal selidik secara lebih mendalam.

Jika dikaitkan hasil dapatan pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi kajian ini dengan kajian-kajian lepas, dapat dilihat hasil dapatannya masih sama. Responden kajian yang terdiri daripada mahasiswa, belia, penduduk lembah Klang dan Malaysia mempunyai pengetahuan, pemahaman, sikap, penerimaan dan penghayatan yang tinggi (Nazri Muslim et al., 2011; Nazri Muslim et al., 2012; Mastura Abd Wahab et al., 2020; Mastura Abd Wahab & Khadijah Muda, 2022; Khadijah Muda et al., 2022). Walau bagaimanapun dari tahun 2011 hingga 2022, hasil kajian masih menunjukkan wujud perbezaan bagi tahap pengetahuan, pemahaman, sikap, penerimaan dan penghayatan unsur tradisi dari segi latar belakang seperti etnik. Etnik Melayu dan bukan Melayu terutama etnik Cina mempamerkan perbezaan terhadap unsur tradisi terutama elemen kedudukan istimewa orang Melayu. Dapatan kajian ini dan kajian lepas-lepas memberi gambaran bahawa pelbagai langkah perlu diambil oleh pihak yang bertanggungjawab seperti mengadakan program dan kempen kesedaran untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia, serta perkara-perkara berkaitan agama. Kempen-kempen sebegini akan meningkatkan lagi pengetahuan dan rasa bangga rakyat Malaysia tanpa mengira etnik tentang unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Rasa kebersamaan dan semangat kekitaan antara etnik di Malaysia perlu dipupuk agar perpaduan kaum dapat dicapai, dan membentuk bangsa Malaysia yang lebih kukuh. Rasa kebersamaan mampu dipupuk melalui penggunaan bahasa yang sama, berkongsi banyak keistimewaan yang sama sebagai warganegara Malaysia, berada di bawah pemerintah yang adil dan saksama tanpa memandang etnik dan agama.

Kesimpulan

Walaupun wujud interaksi antara kaum, tahap pengetahuan, sikap dan penghayatan terhadap unsur tradisi tetap berbeza antara kaum. Kaum Melayu mempunyai pengetahuan, sikap dan penghayatan terhadap unsur tradisi yang paling tinggi, diikuti India dan Cina. Dari segi pengetahuan, semua etnik berada pada kategori tinggi, namun bagi penghayatan etnik Cina dan India berada pada tahap sederhana. Hal berkaitan kuasa Yang diPertuan Agong, bahasa dan agama, etnik Cina dan India majoritinya bersetuju. Namun hal berkaitan keistimewaan orang Melayu dapat dilihat peratus skala bagi skala 'tidak pernah langsung' atau 'sangat bersetuju' atau 'setuju' menurun. Ini menunjukkan semua etnik tahu berkenaan unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu mengenai bahasa, agama, kedudukan Raja-Raja Melayu dan kedudukan istimewa orang Melayu. Tetapi sikap dan penghayatan tidak berada pada tahap yang tinggi oleh kesemua etnik. Masyarakat pelbagai etnik di Malaysia masih dilihat ada rasa tidak berpuas hati dengan etnik lain serta keistimewaan yang dimiliki. Selain itu masyarakat Malaysia tidak sepenuhnya memahami perkara asas dalam Perlembagaan Persekutuan yang melibatkan unsur tradisi. Unsur-unsur ini merupakan perkara penting yang perlu diketahui dan difahami oleh masyarakat Malaysia untuk mengukuhkan perpaduan antara kaum dan mewujudkan rasa kekitaan. Penglibatan masyarakat pelbagai etnik dalam satu program perlu kerap diadakan agar masyarakat dapat merasai adanya kebersamaan antara semua etnik di Malaysia.

Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan boleh diketengahkan kepada pihak berkepentingan. Pertama, pembuat dasar disaran memperkukuh pendidikan sivik berasaskan Perlembagaan melalui kurikulum bersepadu yang menekankan kefahaman terhadap unsur tradisi serta prinsip hak dan tanggungjawab warganegara, bukan sekadar hafalan fakta. Kedua, pihak pendidik di institusi pengajian tinggi perlu memperkukuhkan lagi modul pengajaran yang mengintegrasikan perbincangan kritikal tentang identiti sosial, kepelbagaian dan pengurusan perbezaan secara beradab bagi membina kematangan pemikiran pelajar dalam masyarakat majmuk. Ketiga, badan tadbir urus digital disaran memperkukuh garis panduan serta mekanisme pemantauan kandungan sensitif berkaitan agama, kaum dan institusi negara, di samping memperluas program literasi digital yang menekankan etika komunikasi dan tanggungjawab sosial dalam ruang awam. Cadangan-cadangan ini diharapkan dapat menyumbang kepada pengukuhan perpaduan dan kestabilan sosial secara lebih berstruktur dan berimpak jangka panjang.

Konflik Kepentingan

Penulis dan rakan pengkaji tidak mempunyai sebarang kepentingan atau kecenderungan peribadi kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam kajian ini.

Deklarasi Penulis

Artikel Ini ditulis bersama oleh Khadijah Muda dan Mastura Abd Wahab

Rujukan

- Abd Wahab, M., & Muda, K. (2022). Pengetahuan, sikap dan penghayatan unsur tradisi dalam perlembagaan persekutuan pelajar universiti dan hubungannya dengan latar belakang demografi. *Sains Insani*, 7(2), 1-14. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol7no2.388>
- Abd Wahab, M., Muda, K., Razali, W. M. F. A. W., & Tohar, S. N. A. M. (2022). Pengetahuan, sikap dan amalan belia di lembah klang terhadap unsur-unsur tradisi dalam perlembagaan persekutuan. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 19(3), 91-107.
- Abu Bakar, A. R. (2005). *Kelangsungan hidup bahasa Melayu sebagai tonggak negara bangsa dalam gelombang globalisasi*. Dalam Abu Bakar, A. R., & Awang Sariyan, A. (Eds.), *Suara pejuang bahasa*. Persatuan Linguistik Malaysia.
- Arkib Negara Malaysia. (2023). Persada kegemilangan bahasa Melayu. <http://www.arkib.gov.my/web/guest/persada-kegemilangan-bahasa-melayu>
- Bari, A. A. (2008). *Perlembagaan Malaysia: Teori & praktis*. Arah Pendidikan Sdn Bhd.
- Ibn Khaldun. (2009). *Mukadimah* (Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johan, S., (2019). Hate speech dan kebebasan bersuara. *Sinar Harian*. 9 September 2019. <https://www.sinarharian.com.my/article/47099/hate-speech-dan-kebebasan-bersuara>
- Kambol, R. (2024). Menangani isu-isu sensitif berkaitan agama, bangsa dan institusi Raja (3R) dalam politik melalui pendekatan undang-undang: Suatu penilaian semula. *Journal of Law and Governance*, 6(1), 86-104.
- Lah, N. M. I. N., Kumaran, P. V., Jasmi, K. A., Lah, N., Izzudin, N. M., Kumaran, P. V., & Jasmi, K. A. (2014). Media sosial dan impak kepada perkembangan bahasa menurut Islam. *Jurnal Channel*, 3(2), 1-16.
- Meerangani, K. A., Hamid, M. F. A., Wahab, N. A. A., Satar, A., & Martin, D. (2024). The influence of 3R (race, religion, royalty) on the harmony of society in the digital era. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 8(5), 2076-2083. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2024.805150>
- Mohd Salleh Abas. (1997). *Prinsip perlembagaan & pemerintahan di Malaysia* (Edisi baharu; S. Buang, Rev.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar, & Aliffluqman Mohd Mazzalan. (2018). Aliran pertuturan bahasa rojak dalam kalangan pengguna Facebook di Malaysia. *e-Academia Journal*, 7(1), 62-71.
- Mohd Tohar, S.N.A., Ab. Halim, A., Samsu, K. H. K., & Musa, H. (2014). Teori semangat kekitaan (Assabiyah) Ibnu Khaldun dan pemertabatan Bahasa Melayu di Malaysia. *Mahawangsa*, 1(2), 247-256.
- Muda, K., Mohd Tohar, S. N. A., Mat Yacob, S. N. B., & Mastor, K. A. J. (2022). Kajian netnografi masyarakat pelbagai etnik di Facebook mengenai kontrak sosial. *Jurnal Komunikasi*, 38(2), 16-37. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2022-3802-02>
- Muda, K., Mohd Tohar, S. N. A., Muslim, N., Idris, F., & Baya Yacob, S. N. (2023). Pembangunan dan pengesahan instrumen pengetahuan, sikap dan penghayatan terhadap unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 31(1), 183-202. <https://doi.org/10.47836/pjssh.31.1.10>
- Musa, H. (2010). Pemeraksanaan dan integrasi masyarakat Malaysia melalui bahasa Melayu. Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Psikolinguistik II 2010* (8-9 Jun). Universiti Putra Malaysia & Persatuan Psikolinguistik Malaysia, Selangor.
- Muslim, N. & Samian, A. L. (2012). Tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. *SARI Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 30(1), 3-27. <http://journalarticle.ukm.my/5482/>
- Muslim, N., Alias, J., Hassan, W. Z. W., Umar, A., & Yunos, N. (2013). Analisis peruntukan orang melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam konteks hubungan etnik. *Jurnal Melayu*, 11, 63-78.
- Muslim, N., Jalil, F., Bari, A. A., Mohd Noor, M., & Mastor, K. A. (2017). Tahap penerimaan pelajar terhadap peruntukan orang Melayu dalam perlembagaan dari perspektif hubungan etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 9(2). Retrieved from <https://jurnalkemanusiaan.utm.my/index.php/kemanusiaan/article/view/107>
- Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia (2020). *Perlembagaan Persekutuan (cetakan semula)*. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. <https://lom.agc.gov.my/federal-constitution.php>
- Samsu, K. H. K., Ismail, M. M., Lee, Y. F., Ab Razak, R. R., Ab Majid, A., Nor, M. S. M., & Adnan, Z. H. (2024). Tahap kefahaman mengenai kenyataan berbau kebencian di media sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia. *Sains Insani*, 9(2), 246-257. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol9no2.705>
- Sariyan, A. (2014). Strategi menjayakan bahasa Melayu sebagai bahasa negara. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*, 1(1), 1-18.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2023, April 1). Bertindak sebelum melarat. <http://www.mcmm.gov.my/ms/media/press-clippings/bertindak-sebelum-melarat>
- Tajfel, H. (1974). Social identity and intergroup behaviour. *Social Science Information*, 13(2), 65-93. <https://doi.org/10.1177/053901847401300204>